

**PEJABAT BENDAHARI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

---

KUiTTHO.(PB) 10.12/04 ( 26 )

Tarikh: 27 Mac 2004

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 / 2004**

Semua Pengurus Bahagian  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

**PENETAPAN KADAR KELAYAKAN ELAUN PELAJAR**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk menerangkan mengenai penetapan kadar elaun dan syarat kelayakan mendapat bayaran semasa mengikuti program / aktiviti pelajar yang dianjurkan oleh Universiti atau pihak luar kepada pelajar KUiTTHO.
- 1.2 Program / aktiviti pelajar yang dimaksudkan ialah seperti seminar, konvensyen, pertandingan debat dan sukan MASUM yang memerlukan mereka menginap.
- 1.3 Elaun yang dimaksudkan ialah elaun makan, penginapan dan tambang pangangkutan awam yang layak diterima oleh pelajar KUiTTHO seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

**2.0 SYARAT-SYARAT DAN KADAR ELAUN**

**2.1 *Syarat-syarat yang melayakkan pelajar dibayar :***

- 2.1.1 Penyertaan pelajar ialah aktiviti yang diarah dan kegiatan yang diluluskan oleh Universiti.
- 2.1.2 Kemudahan makan, minum, penginapan dan pengangkutan tidak disediakan oleh penganjur.
- 2.1.3 Pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar).

**2.2 *Elaun makan dan pengangkutan layak dibayar sekiranya :***

- 2.2.1 Aktiviti melibatkan perjalanan lebih 25 km daripada Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- 2.2.2 Tempoh kegiatan lebih dari 8 jam termasuk waktu perjalanan.
- 2.2.3 Tuntutan akan dibayar atas kadar kos satu tempat duduk, atau teksi bermeter atas bayaran sebenar, tidak lebih dari kadar yang ditetapkan Badan Perlesenan Teksi Awam.
- 2.2.4 Perbelanjaan penyertaan luar negeri, tertakluk kepada sesebuah negara atas kadar separuh dari kadar terendah pegawai awam.

**2.3 Kadar dan jenis elaun yang layak adalah seperti berikut :**

|             |   |                                                          |
|-------------|---|----------------------------------------------------------|
| Elaun makan | - | RM 10.00 sehari                                          |
| Penginapan  | - | Maksima RM 40.00 sehari                                  |
| Tambang     | - | Kadar tambang bas<br>pengangkutan awam yang<br>terendah. |

- 2.4 Bagi pelajar yang menggunakan kenderaan sendiri, bayaran tambang gantian adalah berdasarkan kepada kadar tambang bas sebenar untuk perjalanan tersebut.
- 2.5 Pusat Tanggungjawab yang menguruskan program / aktiviti pelajar tersebut dikehendaki membuat pengesahan ke atas bayaran perjalanan dan elaun berdasarkan resit asal serta kadar yang telah ditetapkan. Segala tuntutan elaun-elaun tersebut tanpa disertakan dengan resit tidak akan dibayar.
- 2.6 Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) boleh menggunakan budi bicaranya untuk meluluskan sejumlah peruntukan yang sesuai dari yang dinyatakan tertakluk kepada peraturan Universiti.

**3.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan perlu digunapakai kepada semua kegiatan pelajar seluruh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

.....  
**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

☎ 6007

- s.k
1. Yg. Bhg Rektor
  2. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)
  3. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik)
  4. Pendaftar
  5. Unit Audit Dalam